

BERITA HARIAN, KHAMIS, 8 JUN, 1978

# Projek enjin diesel Asean di Singapura harus batal

**KUALA LUMPUR, Rabu.** — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membayangkan projek enjin diesel salah satu projek Asean yang telah dirancang untuk dilaksanakan oleh Singapura mungkin dibatalkan kerana Republik itu mengalami beberapa masalah.

Dato Seri Dr. Mahathir yang kembali dari persidangan Menteri-Menteri Ekonomi Asean di Jakarta berkata, sekiranya Singapura tidak dapat melaksanakan projek negara itu berpendapat ia tidak perlu mengambil bahagian modal dalam projek-projek perusahaan yang akan dilaksanakan oleh negara-negara Asean yang lain.

Bagaimana pun, para perwakilan Asean di persidangan tersebut, katanya merasakan langkah tersebut bercanggah dengan semangat Asean.

Sekiranya Singapura membatalkan projek enjin dieselnnya, kata Dato Seri Dr. Mahathir, Singapura dicadangkan mengambil saham satu peratus dari jumlah saham atau modal yang dibayar

dengan keanggotaan dalam lembaga tanpa kuasa mengundi dalam projek baja urea yang akan dilaksanakan oleh Malaysia dan Indonesia, projek super phosphate (Filipina) dan asid soda (Thailand).

Menurut sumber, Singapura mahu mengeluarkan enjin diesel mempunyai kuasa kuda kurang dari 200.

Sedangkan Indonesia difahamkan sudah pun mempunyai perusahaan mengeluarkan enjin diesel dengan kuasa yang sama, di Surabaya.

Oleh itu Indonesia hanya bersetuju Singapura mengeluarkan enjin diesel yang mempunyai kuasa kuda 200 atau lebih.

Bagaimana pun, Singapura berpendapat pengeluaran enjin diesel yang mempunyai kuasa lebih 200 tidak mempunyai pasaran yang baik.

Menurut Dr. Mahathir projek baja urea Malaysia telah diterima oleh persidangan tersebut sebagai projek Asean dan dijangka projek tersebut dapat memulakan pengeluaran dalam 1983 apabila projek gas cair di Bintulu Sarawak, mula berjalan.